



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Kenyataan Akhbar

6 November 2017

Kerajaan Mesti Bertindak Sekarang Berikutan Tragedi Banjir 4 November 2017

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) merasa amat sedih dengan tragedi yang berlaku kelmarin dan awal pagi hari ini di Pulau Pinang.

Banjir, tanah runtuh dan gangguan terhadap kehidupan yang dialami penduduk lebih buruk berbanding dengan apa yang berlaku pada 15 September 2017.

Ya, sememangnya berlaku hujan lebat yang berterusan dan angin kencang, tetapi faktor utama yang menyebabkan banjir besar dan tanah runtuh ialah penebangan hutan di kawasan bukit, sungai dipenuhi lumpur dan pembangunan berlebihan di Pulau Pinang yang menggantikan kawasan hijau dengan hutan konkrit. Ini mengakibatkan hujan lebat tidak mampu untuk disalurkan disebabkan kehilangan pokok dan lapangan yang bertindak sebagai span untuk menyerap air dan disebabkan sistem saliran dan sungai tersumbat oleh lumpur dan tidak dapat menyalur keluar air hujan.

Kerajaan Negeri mengakui bahawa kita berada dalam krisis sosial dan alam sekitar. Ia tidak boleh dinafikan lagi. Ia mestilah diakui bahawa kita menghadapi masalah dan masalah ini perlu ditangani, di sebalik kerajaan negeri mempertahankan dan menafikan sebarang krisis atau masalah.

CAP dan SAM menuntut tindakan berikut:

1. Kerajaan Negeri perlu memperuntukkan lebih banyak dana untuk memulih dan memperbaiki kerosakan cerun bukit serta memulihkan semula sungai supaya ia boleh mengalir dengan sempurna;
2. Ia juga mesti memperuntukkan lebih ramai kakitangan untuk memeriksa cerun bukit dan tanah yang bersebelahan bukit serta mengambil langkah pencegahan;
3. Ia juga mesti menuntut dan memastikan pemaju swasta mengambil langkah pencegahan tambahan dan jika mereka didapati tidak berbuat demikian atau hujan di masa depan menyebabkan masalah yang sama, mereka mestilah didakwa di mahkamah dan dikenakan denda;
4. Kerajaan Negeri juga perlu meneliti kekurangan dan kelemahan dalam undang-undang dan garis panduan bagi kualiti alam sekitar, pembangunan tanah bukit, saliran yang mencukupi dan mengambil tindakan untuk menangani kekurangan dan kelemahan ini.

Tindakan berikut juga perlu diambil:-

1. Hentikan semua kerja di kawasan cerun bukit atau tanah bukit tidak kira tanah dan cerun ini di

bawah atau melebihi 250 kaki sehingga semakan semula dilakukan ke atas semua projek dan aktiviti di kawasan ini.

2. Hentikan semua kerja yang sedang dijalankan di kawasan tanah bersebelahan cerun bukit atau tanah bukit yang berisiko mengalami hakisan dan tanah runtuh.
3. Semua projek yang diluluskan di atas tanah bukit dan di tanah bercerun tidak kira sama ada di bawah atau melebihi 250 kaki hendaklah ditangguhkan dan ia perlu disemak semula dan langkah tambahan hendaklah dikenakan untuk memastikan ia selamat dan ia mestilah diperkuatkan dengan penguatkuasaan untuk memantau projek ini.
4. Menghentikan semua projek baharu di tanah bukit dan cerun bukit dan di tanah bersebelahan cerun bukit tidak kira sama ada ia di bawah atau melebihi 250 kaki.
5. Tiada pembangunan dilakukan di kawasan rizab sungai.
6. Kerajaan Negeri juga perlu meneliti semula kaedah yang diambil dalam perancangan negeri serta perancangan dan penilaian projek serta proses kelulusan oleh pihak berkuasa perbandaran. Mereka mestilah meletakkan kepentingan orang ramai dan alam sekitar mengatasi kepentingan pemaju.
7. Kerajaan Persekutuan juga mestilah memainkan peranan utama. Ia mestilah memperuntukan dana kecemasan bagi Pulau Pinang menangani masalah cerun bukit berisiko, tanah runtuh dan banjir.
8. Kerajaan Persekutuan mestilah mengukuhkan dengan segera aktiviti mereka sendiri di kawasan di mana ia adalah bidang kuasanya seperti mengenakan penilaian kesan alam sekitar terhadap projek dan menjalankan tanggungjawab terhadap proses kelulusan dengan serius serta memantau kesan alam sekitar daripada projek yang dimajukan.

S. M. Mohamed Idris
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang &
Sahabat Alam Malaysia